

Maldives cuti sehari sambut Dr Mahathir

MALE, Isnin — Presiden Maamoon Abdul Gayoom menghargai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai ketua kerajaan beragama Islam yang pertama melawat republik kepulauan itu sejak ia merdeka pada 1965.

Kira-kira 30,000 penduduk ibu negara seluas lebih satu batu persegi ini diberi cuti umum semalam oleh Presiden Gayoom sebagai menyambut lawatan Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Republik Maldives, serangkaian kira-kira 2,000 buah pulau di Lautan Pasifik, kira-kira 420 batu ke barat Sri Lanka. Ia mempunyai kira-kira 160,000 orang penduduk.

Dalam jamuan makan malam tadi untuk Datuk Seri Dr Mahathir,

Presiden Gayoom berkata, lawatan itu penting dan bermakna kerana hubungan yang rapat antara kedua-dua negara.

Lebih-lebih lagi, katanya, memandangkan persahabatannya yang mesra dengan Datuk Seri Dr Mahathir yang terjalin melalui mesyuarat-mesyuarat di Fiji (Chogrm), Kuala Lumpur (lawatan rasmi dalam bulan Mei 1981) dan New Delhi (sidang kemuncak Negara-Negara Berkecuali).

Kawasan aman

Beliau berkata, Malaysia dan Maldives bersependapat mengenai isu-isu seperti Afghanistan, Kampuchea, kestabilan Asia Tenggara dan keadaan di Afrika Selatan.

Maldives menghargai sokongan Malaysia kepada negara-negara di Asia Selatan dalam usaha menge-

kalkan Lautan Hindi sebagai kawasan aman dan stabil, bebas dari permusuhan kuasa-kuasa besar.

Presiden Gayoom berkata, projek Pusat Islam yang dibiayai oleh Arab Saudi dan dibina oleh para kontraktor Malaysia adalah satu mercu tanda gemilang kepada persahabatan dan persaudaraan Islam.

Pusat itu berharga kira-kira \$9 juta, termasuk sebuah masjid telah diserahkan kepada satu konsortium syarikat Malaysia walaupun bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Rekabentuknya dibuat oleh Haj dan Rakan, yang telah menyediakan rekabentuk bagi Masjid Bangsar manakala penyelaras projek itu ialah firma Rozak Fareed International. — Bernama.